

# **PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK SEBAGAI SATU ELEMEN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS TINGKATAN 3 UNTUK MENINGKATKAN MINAT DAN PRESTASI MURID BAGI TAJUK SISTEM RESPIRASI**

Rosdila Azwana Binti Abdullah  
Sek. Men. Keb. Kg. Dato' Seri Kamaruddin  
Seri Manjung, Perak

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang peningkatan minat dan prestasi murid dengan menggunakan Aplikasi TikTok sebagai satu elemen didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Sains Tingkatan 3 di SMK Kg. Dato' Seri Kamaruddin. Kajian ini untuk mengkaji kesesuaian penggunaan TikTok yang dalam pengajaran Sains Tingkatan 3, bagi tajuk Sistem Respirasi. Seramai lima puluh enam (56) orang sampel yang terdiri daripada murid kelas 3A3 dan 3A4 telah dipilih untuk kajian ini. Kajian ini dijalankan selama 3 minggu, iaitu secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik serta ujian pra dan pasca. Dalam tempoh tersebut, murid menjalani Pembelajaran dan Pemudahcaraan di sekolah (PdPC) bersama guru dengan selingan penggunaan Aplikasi TikTok ketika proses pengajaran guru. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi TikTok merupakan satu kaedah yang sesuai digunakan dalam pengajaran Sains Tingkatan 3 di SMK Kg. Dato' Seri Kamaruddin. Penggunaan aplikasi TikTok dapat meningkatkan minat dan prestasi murid 3A3 dan 3A4 bagi tajuk Sistem Respirasi.*

**Kata kunci:** *Didik hibur, TikTok, aplikasi*

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU**

Pada awal sesi persekolahan tahun 2022, murid telah melalui pembelajaran secara atas talian selama dua minggu. Sepanjang tempoh saya mengajar secara atas talian, saya telah mencuba pelbagai cara dan kaedah dengan menggunakan pelbagai aplikasi untuk menarik minat murid kelas 3A3 dan 3A4. Namun, apabila masuk sesi persekolahan secara bersemuka, saya hanya mengajar di dalam kelas dengan menggunakan kaedah "chalk and talk" dan dengan menggunakan persembahan Power Point sahaja. Saya tahu, murid akan cepat rasa bosan dan tidak fokus. Betul, semasa pengajaran berlangsung di kelas, ada murid yang tidur sebab tidak minat untuk mendengar pengajaran saya. Saya rasa, suara saya dah cukup kuat dan penerangan yang saya berikan jelas dan teliti. Tetapi, masih ada yang terlena diulit mimpi. Bahkan, apabila

saya mengedarkan lembaran kerja, ramai yang tidak dapat menjawab dengan betul.

Saya terpanggil untuk mengubah kaedah pengajaran saya di kelas. Semasa melaksanakan pengajaran bagi tajuk Sistem Respirasi, iaitu tajuk Bab 2 untuk subjek Sains Tingkatan 3, saya dapati banyak konsep, proses dan mekanisme yang perlu difahami dalam tajuk ini. Saya telah memikirkan suatu kaedah yang dirasakan menarik iaitu mencuba menggunakan Aplikasi TikTok dalam pengajaran tajuk Sistem Respirasi iaitu bagi subtopik 2.1 dan 2.2. Saya mengambil kira aplikasi ini sesuai kerana ia membawa kepada penggunaan elemen didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), selain daripada memikirkan yang aplikasi ini turut dimiliki oleh hampir kesemua murid kelas yang saya ajar dan mereka boleh mengikutinya ketika berada di rumah. Saya mendapatkan maklum balas secara lisan dengan murid tentang kewujudan akaun TikTok dalam telefon bimbit masing-masing. Saya dapati, hampir keseluruhan kelas mempunyai akaun TikTok dan dapat mengaksesnya dari rumah.

Maklum balas yang diberikan oleh murid mendorong saya untuk menjalankan satu kajian tindakan bersama murid 3A3 dan 3A4.

### **ISU KEPERIHATINAN**

Kajian yang saya jalankan ini berfokuskan kepada bagaimana untuk saya sebagai seorang guru menarik minat murid supaya melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran Sains bersama saya. Bagi saya, kajian ini sangat penting kerana saya dapat menilai kreativiti saya sebagai seorang guru untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang bermakna kepada anak didik saya.

Saya yakin jika saya dapat mempelbagai dan meningkatkan kaedah PdP, minat dan prestasi murid 3A3 dan 3A3 dalam subjek Sains mampu dipertingkatkan. Gardner (1991) mengatakan ketidakserasian antara kaedah mengajar dengan profil kecerdasan murid boleh menyebabkan seseorang murid itu gagal atau hilang minat terhadap sesuatu subjek.

Saya berkata kepada diri saya, bahawa saya perlu menggunakan pelbagai teknik dan strategi pengajaran seiring dengan perkembangan semasa dalam arus pendidikan. Justeru itu, saya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kaedah pengajaran yang lebih menarik dan berfungsi kepada murid agar mereka dapat menjalani proses pembelajaran yang lebih bermakna. Saya telah memperkenalkan penggunaan Aplikasi TikTok dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas supaya murid lebih tertarik

untuk mempelajari subjek Sains dan terdorong untuk memahami konsep Sains yang dipelajari.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

### **Objektif Am**

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan minat dan prestasi murid bagi tajuk Sistem Respirasi, melibatkan subtajuk 2.1 dan 2.2.

### **Objektif Khusus**

- a. Mendorong minat murid untuk mempelajari tajuk Sistem Respirasi.
- b. Mencipta suatu suasana pembelajaran yang bermakna dan berkesan kepada murid.
- c. Mengubah cara pengajaran guru supaya murid merasakan proses pembelajaran adalah menyenangkan.
- d. Menggunakan kaedah didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains tingkatan 3 bagi tajuk Sistem Respirasi.

## **KUMPULAN SASARAN**

Kumpulan sasaran murid adalah seramai lima puluh enam orang yang terdiri daripada 2 kelas, iaitu kelas 3A3 dan 3A4.

## **PELAKSANAAN KAJIAN**

### **Tinjauan Masalah**

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian, ujian pra dan pos, dan soal selidik.

### **Pemerhatian**

Saya telah membuat pemerhatian ke atas tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sebelum dan selepas kajian. Sebelum kajian dijalankan murid kurang memberi respons kepada soalan yang diajukan dan banyak bersembang dengan rakan. Kebanyakan murid tidak fokus, dan ada juga yang tertidur semasa proses PdP dijalankan. Seperti kebiasaannya, murid perempuan lebih bersedia dan menunjukkan kesungguhan sebaliknya murid lelaki kurang bersungguh dan kurang mengambil bahagian di dalam aktiviti P&P yang dijalankan.

## Ujian Pra dan Pos

Ujian pra diberikan kepada kumpulan sasaran untuk mengesan sejauh mana kefahaman dan ingatan mereka mengenai subtopik 2.1 dan 2.2. Item Ujian Pra merupakan item di dalam modul pembelajaran. Selepas saya menyemak jawapan murid, saya tidak memulangkan kertas jawapan murid dan tidak membincangkan jawapannya, sebaliknya saya telah memperkenalkan kaedah pengajaran menggunakan TikTok pada minggu yang seterusnya. Setelah selesai pengajaran menggunakan TikTok, pada minggu seterusnya, saya memberikan Ujian Pasca dengan menggunakan set soalan yang sama dengan Ujian Pra.

## Soal Selidik

Borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada murid untuk mendapatkan maklum balas murid berkenaan minat murid terhadap pengajaran guru setelah penggunaan aplikasi TikTok diperkenalkan.

## ANALISIS TINJAUAN MASALAH

### Analisis Pemerhatian

Setelah saya melaksanakan pengajaran dengan menggunakan TikTok di dalam kelas, saya mendapati pelibatan murid agak memberangsangkan, di mana suasana di dalam kelas begitu meriah dan seronok kerana murid teruja untuk menonton video TikTok pengajaran saya. Di sini, saya tidak melihat pelajar yang tertidur atau tidak fokus. Keseluruhan murid melibatkan diri sepenuhnya dan dapat menjawab soalan lisan secara aktif.

### Analisis Ujian Pra dan Pasca

Perbandingan pencapaian murid dalam Ujian Pra dan Pasca bagi kedua-dua kelas 3A3 dan 3A4 adalah seperti berikut:

*Jadual 1 menunjukkan pencapaian prestasi murid bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kelas 3A3*

KELAS 3A3		
Gred	Bilangan murid	
	Ujian Pra	Ujian Pasca
A	0	2
B	3	6
C	4	7

D	12	6
E	5	4
G	3	2
TH	1	1
Jumlah	28	28

*Jadual 2 menunjukkan pencapaian prestasi murid bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kelas 3A4*

<b>KELAS 3A4</b>		
Gred	Bilangan murid	
	Ujian Pra	Ujian Pasca
A	0	0
B	0	0
C	0	6
D	0	8
E	9	11
G	18	2
TH	1	1
Jumlah	28	28

Dapatan Ujian Pra dan Pasca menunjukkan terdapatnya peningkatan dari segi pencapaian murid walaupun masih terdapat murid yang gagal. Namun pengukuran dari segi peningkatan prestasi dapat dilihat daripada jadual.

### **Analisis Soal Selidik**

Murid telah memberikan respons positif dalam dapatan soal selidik. Berikut adalah analisis soal selidik yang telah dijawab oleh murid :-

Skala Likert:

<b>1</b>	Sangat Tidak Setuju
<b>2</b>	Tidak Setuju
<b>3</b>	Kurang Setuju

4	Setuju
5	Sangat Setuju

	SKALA	1	2	3	4	5
	ITEM	(Bilangan Murid)				
1	Saya sangat meminati mata pelajaran Sains.	2	3	18	24	7
2	Pembelajaran subjek Sains menggalakkan saya berfikir.	3	3	16	23	9
3	Pembelajaran subjek Sains memberi kesan dalam kehidupan saya.	1	1	22	21	9
4	Adakah anda bersetuju subjek Sains merupakan satu subjek yang sukar?	4	8	28	11	3
5	Penggunaan aplikasi TikTok menarik minat dan perhatian saya untuk mempelajari Sains.	5	7	12	25	9
6	Penggunaan aplikasi TikTok amat sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	4	4	11	25	10
7	Penggunaan Aplikasi TikTok membantu meningkatkan kefahaman saya bagi tajuk Sistem Respirasi.	2	6	12	26	8
8	Penggunaan Aplikasi TikTok dapat meningkatkan keyakinan saya dalam menjawab soalan ujian.	2	4	13	26	9
9	Penggunaan Aplikasi TikTok merupakan satu kaedah yang menerapkan elemen didik hibur dalam pembelajaran saya.	0	4	12	22	16
10	Guru subjek Sains saya berjaya menghidupkan suasana pembelajaran melalui penggunaan aplikasi TikTok ini.	3	3	13	25	10

### TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pada minggu pertama kajian, saya telah mengedarkan soalan Ujian Pra kepada murid. Saya menggunakan dua masa Sains pada hari yang sama untuk kedua-dua kelas kumpulan sasaran saya. Sebelum pelaksanaan Ujian Pra, saya telah memastikan bahawa subtopik 2.1 dan 2.2 telah habis diajar pada minggu sebelumnya.

Pada minggu kedua kajian, iaitu setelah saya mendapatkan markah ujian Pra, saya telah memperkenalkan pengajaran yang menerapkan elemen didik hibur iaitu penggunaan TikTok. Ia sebagai satu selingan kepada pengukuhan kefahaman murid. Saya menggunakan Tiktok dengan konten subtopik 2.1 dan 2.2 dalam kesemua kelas Sains sepanjang minggu tersebut bersama murid 3A3 dan 3A4.

Bagi Ujian Pra yang telah dilaksanakan, saya tidak memberitahu markah serta membincangkan jawapan Ujian Pra kerana saya ingin menggunakan set soalan yang sama untuk pelaksanaan Ujian Pasca.

Murid menjalani Ujian Pasca pada minggu ketiga setelah habis pengajaran yang menggunakan elemen didik hibur. Selepas pelaksanaan Ujian Pasca, saya dan murid membincangkan jawapan sebagai satu kaedah pengukuhan kepada murid.

Setelah selesai pengumpulan data, saya menganalisis semua instrumen soal selidik dan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca serta membina jadual perbandingan bagi setiap data.

### **PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN / PENILAIAN**

Saya mengambil masa selama 3 minggu untuk melaksanakan kajian ini. Dalam masa 3 minggu, saya dapat melengkapkan kajian dengan sempurna. Pelaksanaan ujian Pra pada minggu pertama agak merisaukan saya setelah meneliti keputusan prestasi murid. Setelah itu, pada minggu kedua, saya menjalankan pengajaran yang menerapkan elemen didik hibur yang menggunakan aplikasi TikTok. Seterusnya, pelaksanaan Ujian Pasca pada minggu ketiga dan dalam minggu yang sama, saya meminta murid menjawab soal selidik tentang minat mereka terhadap pengajaran tajuk Sistem Respirasi setelah melalui pembelajaran dengan menggunakan TikTok. Tujuan saya mengedarkan soal selidik ialah supaya murid lebih bebas dan selesa menjawab berbanding mendapatkan maklumat secara temubual.

Berdasarkan pemerhatian yang telah saya buat, saya dapati murid lebih aktif berbanding pembelajaran secara konvensional. Murid lebih tertarik dengan penggunaan TikTok dalam pembelajaran mereka kerana mereka aktif dalam menjawab soalan secara lisan, melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan semasa proses PdP serta dapat melengkapkan tugas yang diberi dengan baik.

## REFLEKSI KAJIAN

Pencapaian murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Ini menunjukkan impak yang positif dalam pelaksanaan kajian ini. Saya berasa bersyukur kerana saya dapat melaksanakan kajian ini dengan baik.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan TikTok sebagai satu kaedah yang menggunakan elemen didik hibur yang banyak membantu menarik perhatian dan minat murid dalam pembelajaran. Ini dapat dilihat semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, murid dilihat tertarik untuk menonton video TikTok, dapat menjawab soalan dengan baik serta dapat menyiapkan tugas yang diberi secara aktif. Bagi saya, TikTok boleh dikatakan sebagai satu elemen yang menarik perhatian murid dalam pembelajaran Sains bagi tajuk Sistem Respirasi. Ia merupakan satu bentuk rangsangan yang boleh menarik perhatian murid dengan mengarahkan pemikiran mereka terhadap sesuatu idea atau menjadikan mereka peka terhadap bunyi, penglihatan, sentuhan dan sebagainya. Oleh itu, untuk mewujudkan satu motivasi yang bermakna dan berfaedah, rangsangan yang dipilih itu hendaklah memenuhi keperluan murid. Gunakan rangsangan tertentu untuk sesuatu situasi tertentu. Rangsangan itu biarlah dalam bentuk yang luar biasa, menarik dan memberangsangkan (Kamarudin Hj. Husin, 2010).

## CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut:

- a. Mengguna pakai aplikasi TikTok sebagai selingan untuk rumusan PdP setiap kali kelas Sains diadakan.
- b. Menggunakan unsur lagu, melodi dan irama dalam teknik hafalan yang melibatkan proses dan mekanisme.
- c. Guru boleh menyediakan satu modul penggunaan lirik lagu dan penceritaan dalam pengajaran dan pembelajaran Sains.
- d. Untuk peringkat penilaian, murid dibekalkan dengan soalan-soalan yang dapat membantu mereka meningkatkan kefahaman dan daya ingatan tentang suatu subtopik yang dipelajari.
- e. Pada pendapat saya, pengajaran guru yang kreatif menerbitkan rasa minat dan keseronokan dalam diri murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Tambahan pula, apabila terdapat elemen didik hibur seperti aplikasi TikTok ini, ia menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas lebih menarik dan kondusif. Oleh itu, pembelajaran yang bermakna serta kejayaan yang bererti dapat dicapai.

Hasil daripada kajian yang dijalankan, saya dapati terdapat perubahan yang positif dari segi amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran

murid. Semoga hasil kajian saya ini dapat dimanfaatkan dan menjadikan proses P&P lebih menarik, berkesan dan menyeronokkan.

### **RUJUKAN**

Abdul Rasid Jamian, et. al. (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Atan Bin Long. (1982). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. (1995). Modul Kajian Tindakan. Kuala Lumpur: PIER – Sub Program 4, BPPP, KPM.

Kamarudin Hj. Husin. (2010). Psikologi Pembelajaran. Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1983). Ilmu Pendidikan: Pedagogi. Penerbitan Heinemann Educational Books (Asia) LTD.